



UNTUK PENDUDUK BANDAR ANDA

10 tip untuk menganjurkan majlis parti yang menarik

1. Bercakap dengan jiran anda tentang Hari Jiran

Anda tidak perlu bersedia untuk acara tersebut dengan bersendirian. Cara terbaik untuk menarik perhatian orang ke Hari Jiran ialah dengan bercakap kepada mereka tentangnya dan membolehkan jiran anda turut terbabit dalam persediaan. Jika lebih ramai orang menyumbang kepada persedian, maka lebih ramai lagi akan mengetahuinya melalui perbualan. Agihkan tugas sesama sendiri, berkongsi tanggungjawab dan bincangkan acara tersebut. Berkerjasama akan mendatangkan keseronokan berparti untuk anda.

2. Jangan lupa untuk mempromosikannya!

Ambil kad-kad poster dan risalah daripada Dewan Bandar anda dan pamerkan di lobi bangunan anda atau di depan rumah anda, di pintu-pintu masuk atau lif. Ubahsuaikan jemputan dan risalah tersebut dengan tarikh, masa dan tempat untuk berkumpul.

3. Pilih tempat yang terbaik

Jika ini merupakan penganjuran pertama anda, cadangkan parti tersebut di kawasan awam bangunan (laman, jalan masuk, lobi, anjungan, taman, dan lain-lain tempat), daripada mengadakannya di apartmen salah seorang penghuni. Ini akan membolehkan pengunjung yang tidak mengenali ramai orang di bangunan itu tidak berasa tersisih. Jika tiada kawasan di dalam bangunan, maka parti tersebut boleh diadakan di kawasan depan bangunan atau jalan dengan mendapatkan kebenaran daripada Dewan Bandar. Sediakan pelan alternatif untuk menghadapi cuaca buruk.

4. Peralatan

Sediakan peralatan yang diperlukan untuk makanan buffet (kaki meja, papan alas dan meja) termasuk kerusi terutamanya untuk orang tua.

5. Makanan dan Minuman

Sediakan makanan dan minuman untuk citarasa semua! Sediakan minuman tidak beralkohol dan beralkohol. Minuman cider, punch dan sangria memberikan perasaan unik perayaan. Jangan lupa untuk menyediakan makanan ringan seperti biskut, sayuran salad, daging sejuk dan snek. Cara terbaik ialah dengan meminta semua orang membawa satu jenis makanan untuk buffet.

6. Jangan lupa kanak-kanak, mereka turut dijemput!

Kanak-kanak sentiasa menyukai majlis parti. Jangan abaikan mereka dalam perbincangan; sediakan makanan bersesuaian, minuman ringan, manisan, belon dan lain-lain.

7. Berusaha untuk membuat kenalan

Jika anda berada di parti, jangan duduk bersendirian. Objektif utama ialah untuk mengenali jiran anda, jadi mulakan langkah pertama dan kenalkan diri anda. Penduduk yang malu akan menjadi lebih bertenerima kasih. Jika bangunan atau tempat tinggal anda sangat besar, Dewan Bandar akan menyediakan tag nama.

8. Turut serta

Jangan hanya lihat parti berlangsung - turut serta! Tolong dalam persediaan dan cuba menghargai usaha orang lain. Cuba cari jalan dan cadangan untuk penduduk yang menghadapi masalah untuk menyertai kerana komitmen terhadap anak-anak, sakit atau yang cacat.

9. Wujudkan suasana perayaan

Beri perhatian terhadap hiasan (rantai bunga, bunga, tumbuhan) dan muzik. Tetapi berjaga-jaga untuk tidak menganggu jiran yang tidak dapat hadir ke parti. Hari tersebut bukanlah hari untuk menyinggung jiran anda!

10. Ini hanya satu permulaan

Hari Jiran adalah hanya satu permulaan, langkah pertama untuk meningkatkan suasana kejiraninan harian. Ia mungkin menyediakan peluang untuk memulakan satu projek usaha sama, mengakhiri perselindungan dan kesisihan dan menguatkan ikatan kejiraninan.